



(25 Mac 2021) Sinar Harian, p. 9

1,268 kes baharu, 2 kematian

Jumlah kes positif Covid-19 negara kini 336,808

KUALA LUMPUR

Malaysia merekodkan 1,268 kes baharu Covid-19 pada Rabu, menurun sedikit berbanding semalam (1,384 kes) selain dua kematian dilaporkan dalam tempoh 24 jam lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh itu juga, 1,083 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih daripada Covid-19 di negara ini sebanyak 320,925,

sementara angka keseluruhan kematian kini berjumlah 1,246 kes.

Beliau berkata, dengan perkembangan terbaharu itu, jumlah kumulatif kes positif setakat ini ialah 336,808.

“Daripada jumlah kes baharu hari ini (Rabu), 1,263 merupakan kes tempatan melibatkan 946 warga tempatan dan 317 bukan warganegara sementara lima lagi adalah kes import,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan terkini Covid-19 di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 161 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 73 individu memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham memaklumkan

dua kematian yang dilaporkan pada Rabu membabitkan lelaki warganegara berusia 43 dan 77 tahun dengan latar belakang penyakit kronik.

Sementara itu, beliau berkata, Selangor kekal mencatat kes harian tertinggi sebanyak 490 kes, diikuti Sarawak (141) dan Johor (135).

Pulau Pinang pula mencatat 99 kes, Negeri Sembilan (59), Kuala Lumpur (53), Melaka (52), Kedah dan Kelantan (masing-masing 49), Sabah (45), Pahang (43), Perak (42), Putrajaya (enam), Terengganu (empat) dan Labuan (satu).

Beliau juga memaklumkan empat kluster baharu dikesan melibatkan dua kluster tempat kerja, dan masing-masing satu kluster komuniti dan kumpulan berisiko tinggi. - Bernama

STATUS TERKINI COVID-19 MALAYSIA KES KEMATIAN BAHARU

24.3.2021

Kes Kematian	Kes	Jantina	Umur (tahun)	Hospital/Tempat Kematian	Latar Belakang
1,245	306,023	Lelaki	77	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Mempunyai penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik, dislipidemia, gout dan strok.
1,246	334,582	Lelaki	43	Hospital Tanjung Karang	Mempunyai penyakit darah tinggi.

1,246 kematian

(Kadar kematian 0.37%)
Setakat 24 Mac 2021


SUMBER: CPKC KESEHATAN

BERNAMA


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 24 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 335,540 kes kepada 336,808 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
336,808	320,925	161	1,246	+1,268	481,989

